

# Ke arah hala tuju ekonomi lebih stabil

Keputusan PRN Sabah tanda rakyat mahu kemelut politik ditamatkan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Keputusan** Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang memilih kepada Gabungan Rakyat Sabah (GRS) memberikan petunjuk bahawa rakyat Malaysia mahu pergolakan politik ditamatkan dan tumpuan diberikan kepada hala tuju ekonomi lebih baik.

Penganalisis Ekonomi Uni-KL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kestabilan politik antara perkara penting dalam membentuk pemulihan ekonomi yang terjejas oleh COVID-19 yang menyaksikan ramai kehilangan pendapatan serta pekerjaan.

Katanya, ketidakstabilan politik berisiko menyebabkan pelabur asing menarik keluar modal dari pasaran modal negara kita yang akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi.

“Kemenangan yang memilih kepada kerajaan pemerintah bakal menyaksikan pasaran ekuiti tempatan stabil, tetapi tetap berhati-hati minggu ini dengan pelabur tempatan mahupun luar negara mendapat sedikit panduan iklim politik negara.

“Pengekalan Malaysia dalam senarai pemantauan penyedia Indeks Bon Kerajaan Global (WGBI) FTSE Russell turut memberikan kesan positif kepada pelabur.

“Kita mengharapkan Belanjawan 2021 yang dibentangkan pada 6 November ini menyediakan hala tuju ekonomi jangka panjang yang lebih jelas dan meyakinkan semua pihak berkepentingan,” katanya ketika dihubungi *BH* di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pergolakan politik boleh mempengaruhi kestabilan ekonomi dan pasaran ekuiti, terutama jika fokus kepada ekonomi beralih kepada perebutan kuasa, lebih-lebih lagi ketika kerajaan sepatutnya menumpukan penyediaan Belanjawan 2021 dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bermula tahun hadapan.

Katanya, jika berlaku pelbagai usaha mewujudkan kerajaan baharu atau mendapatkan sokongan parti tertentu bagi menukar kerajaan, fokus untuk Belanjawan 2021 serta RMKe-12 bakal terjejas, sekali



**Aimi Zulhazmi Abdul Rashid**

gus boleh merencatkan perancangan untuk memulihkan ekonomi, terutama pada tahun hadapan.

“Kemenangan parti gabungan pemerintah pada PRN Sabah membantu menstabilkan politik dan ekonomi kerana kerjasama yang rapat bakal dimeterai antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

“Keputusan di Sabah juga dijangka memulihkan pasaran saham minggu ini dengan kemenangan parti gabungan pemerintah akan sedikit sebanyak menyumbang kepada kestabilan dalam pasaran saham tempatan,” katanya.

Presiden Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia (Pribumi), Nazarry Rosli, berkata kestabilan ekonomi dan pasaran ekuiti sangat berkait

rapat dengan keseimbangan politik. Pihak berkaitan termasuk ahli politik tidak perlu membuat kenyataan yang boleh mengganggu kestabilan ekonomi dan keyakinan pelabur.

“Kemenangan GRS pada PRN Sabah menunjukkan rakyat ingin melihat kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan Pusat yang boleh membantu kestabilan politik serta ekonomi negara.

“Saya melihat kemenangan ini akan membantu pasaran saham kembali stabil dan berupaya terus naik selepas sedikit terjejas sebelum ini.

“Negara memerlukan pemerintah yang terus menekankan kesejahteraan rakyat pada semua peringkat dari segi ekonomi dan kestabilan hubungan antara kaum.

“Seharusnya, kerajaan perlu sentiasa peka dan bertindak tegas dan sebaik mungkin untuk membantu pemulihan ekonomi disebabkan penularan COVID-19 dengan memastikan ia tidak menular semula kepada situasi yang menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh diisytiharkan semula secara meluas kerana ini akan menjejaskan perkembangan ekonomi negara,” katanya.



**Kemenangan parti gabungan pemerintah pada PRN Sabah membantu menstabilkan politik dan ekonomi.**

**Ahmed Razman Abdul Latiff,**  
Pengurus Pembangunan  
Perniagaan PBS

